

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)

1. PUSTAKAWAN GRED S41 (TETAP / KONTRAK)

Tangga Gaji RM1,909.00 (Minimum) - RM8,644.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
(Gaji permulaan: RM2,112.86)
- (b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Diploma Lepasan Ijazah Sains Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
(Gaji permulaan: RM2,215.07).
- (c) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
(Gaji permulaan: RM2,215.07).
- (d) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **DAN**
(Gaji permulaan: RM2,521.70)
- (e) Iulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Keutamaan kepada calon :

- (a) Memiliki **Kepujian** sekurang-kurangnya **C6** dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon yang mendapat kelulusan **Malaysian University English Test (MUET)** dengan **aras minimum 3** boleh dikecualikan mencapai kepujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat SPM.
- (b) Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat ijazah sarjana muda

Penempatan Jawatan : Perpustakaan, Kampus Gambang dan Kampus Pekan

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berdasarkan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **Tetap / Kontrak**.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARikh TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, www.ump.edu.my. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Atas Talian (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui laman web UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara atas talian adalah tidak akan dilayan. Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

JABATAN PENDAFTAR

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,

26600 PEKAN,

PAHANG DARUL MAKMUR

(U/P : UNIT PELANTIKAN)

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN :

TARikh BUKA : 29 April 2016

TARikh TUTUP : 13 Mei 2016

TARikh AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN : 20 Mei 2016